



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 31 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT DI INSTITUSI KEBAJIKAN PERLU DIHIDUPKAN SEMULA - NANCY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-pembangunan-bakat-di-institusi-kebajikan-perlu-dihidupkan-semula-nancy-464539	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284082	BERNAMA.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/30/pembangunan-bakat-potensi-kanak-kanak-di-bawah-jkm-perlu-digilap-berterusan-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2284083	BERNAMA.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/03/30/program-pembangunan-bakat-di-institusi-kebajikan-perlu-dihidupkan-semula-nancy/	TVSARAWAK.MY
	https://www.wilayahku.com.my/program-pembangunan-bakat-di-institusi-kebajikan-perlu-dihidupkan-semula-nancy/	WILAYAHKU.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/reactivate-talent-development-programme-in-welfare-institutions-nancy-MG12278499	THESUN.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/vital-to-hone-talents-of-children-in-foster-homes/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=OR0WQm79oAs	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PERUNTUKAN BINA PUSAT PENTADBIRAN BERSEPADU DALAT AKAN DIGUNA UNTUK BINA BAHARU MASJID, SURAU USANG	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/30/peruntukan-bina-pusat-pentadbiran-bersepadu-dalat-akan-diguna-untuk-bina-baharu-masjid	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	LELAKI UGUT SEBAR VIDEO BOGEL KENALAN WANITA DIREMAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1229654/lelaki-ugut-sebar-video-bogel-kenalan-wanita-direman	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=L4b4dP_OaBU	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

31/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MARA GANTUNG TUGAS GURU DIDAKWA LAKUKAN PEDOFILIA KE ATAS PELAJAR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1229656/mara-gantung-tugas-guru-didakwa-lakukan-pedofilia-ke-atas-pelajar	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1229736/pedofilia-di-mrsm-polis-buka-kertas-siasatan	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/03/30/guru-mrsm-didakwa-lakukan-pedofilia-digantung-tugas-asyraf-wajdi/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mara-siasat-guru-didakwa-pedofil-464516	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/657327/berita/semasa/mara-siasat-guru-didakwa-pedofil	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/30/mara-gantung-tugas-guru-pedofil-di-mrsm-tumpat/	KOSMO.COM.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/30/guru-mrsm-disyaki-pedofil-polis-siasat/	FREEMALYSIATODAY.COM



TAJUK : MINISTER CHAMPIONS TALENT DEVT IN WELFARE HOMES

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 31 MAC 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Minister champions talent devt in welfare homes



Kentigern Minggu

kentigern@theborneopost.com

KUCHING: Datuk Seri Nancy Shukri aims for residents at welfare homes to cultivate and refine their skills and talents to enhance their prospects for a prosperous future.

The Women, Family and Community Development minister said that addressing welfare concerns is not enough, welfare members must also be assisted in uncovering and refining their talents.

"Did you see how well she sang earlier? You can further explore her talents. She can really sing well," Nancy told reporters after the Tautan Kasih Ramadan programme at Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah here yesterday.

She was exemplifying an elderly female resident from Rumah Seri Kenangan (RSK) who performed a musical number during the programme.

Regarding their economic situation and focusing on the children in welfare homes, Nancy emphasised that despite their young age, it's essential to support them in uncovering their talents.

"This is about more than just receiving; it's about empowering them to contribute. With the right skills and talents, they can shape their futures responsibly and pursue their passions.

"But initially, we need to explore their talents and provide them with chances," she said.

When discussing Welfare



Nancy (third left) interacts with a resident from Rumah Seri Kenangan during the 'Tautan Kasih Ramadan' programme in Kuching.

Department (JKM) programmes aimed at discovering and honing talents of children in welfare homes, Nancy mentioned previously implemented programmes.

"Recently, we had to halt those programmes due to Covid-19 restrictions. That's why I believe it's crucial to resume those programmes again.

"This is an opportunity for the children to experience first-hand how they can compete with the

outside world and showcase the talents they possess.


"It's essential to provide them with opportunities to develop their self-confidence, as this lays a crucial foundation. Nurturing confidence among children is vital for their growth into capable, talented, and wise individuals in the future," she said.

On another matter, she said the Tautan Kasih Ramadan programme's objectives were to strengthen the spirit of unity and

cooperation among workers and residents at Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah and Rumah Seri Kenangan.

"This includes, fostering bonds of kinship through collective participation in programmes, enlivening the spirit of Ramadan with meaningful activities, and charitable deeds.

"Also, it is to encourage integration between two generations, namely the children and the elderly folks," she said.



TAJUK :	PEMBANGUNAN BAKAT, POTENSI KANAK-KANAK DI BAWAH JKM PERLU SENTIASA DIGILAP		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	31 MAC 2024	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pembangunan bakat, potensi kanak-kanak di bawah JKM perlu sentiasa digilap



CERIA: Nancy (tengah) menyampaikan sumbangan kepada penghuni Rumah Seri Kenangan Faredah Ahmad (berkerusi roda) pada majlis tersebut. — Gambar Borneo

KUCHING: Pembangunan bakat dan potensi kanak-kanak di bawah institusi kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu digilap secara berterusan. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Dato Sri Nancy Shukri berkata, usaha ini penting bagi membolehkan kanak-kanak terbabit berdikari dengan bakat yang ada pada diri mereka pada masa hadapan.

“Apabila kita bercakap tentang ekonomi atau tingkatkan taraf hidup, kita perlu bantu kanak-kanak ini dengan meneroka dan gilap bakat mereka agar menjadi orang yang bukan hanya menjadi penerima, tetapi juga penyumbang pada masa depan.

“Jika sudah ada bakat dan keupayaannya tersendiri, maka insya-Allah mereka boleh berdikari dan mempunyai kerjaya berdasarkan minat,” katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Program Tautan Kasih Ramadan di Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah

Norkiah di Batu 12 di sini, semalam.

Nancy memberitahu, KPWKM sebenarnya sudah ada menyediakan program pembangunan bakat seperti mengadakan pertandingan dalam kalangan kanak-kanak di institusi JKM.

“Bagaimanapun ia terhenti buat sementara mungkin disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan oleh itu, saya berpandangan kita perlu menghidupkan semula program pembangunan bakat sebegini.

“Sebab ini adalah peluang

untuk mereka menceburi dan melihat sendiri bagaimana mereka boleh bersaing di luar sana dengan menunjukkan bakat yang ada pada mereka,” katanya.

Terdahulu, Nancy dalam ucapannya berkata KPWKM amat prihatin dengan keperluan kumpulan sasar khususnya kanak-kanak dan warga emas, lebih-lebih lagi mereka yang menerima perkhidmatan penjagaan dan perlindungan di institusi JKM.

Pembangunan bakat, potensi kanak-kanak di bawah JKM perlu sentiasa digilap

Dari Muka 1


melalui penyertaan bersama dalam program.

Selain itu katanya, ia menyemarakkan semangat bulan Ramadan dengan aktiviti yang bermakna dan amalan bersedekah dan menggalakan integrasi antara dua generasi iaitu anak-kanak dan warga emas.

Sehubungan itu, beliau harap agar lebih banyak rakan-rakan strategik mendukung dan mengimarahkan program-program di institusi kendalian JKM Sarawak pada masa akan datang.

“Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada aspek kewangan semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, kemahiran, sokongan secara mental mahupun secara spiritual (ia) mampu membahagikan anak-anak serta penghuni di institusi tersebut,” katanya.

Pada majlis itu, Nancy turut menyampaikan 136 sumbangan Hari Raya, bubur lambuk dan bubur pedas kepada penghuni di Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah dan penghuni Rumah Seri Kenangan Kuching.



Program pembangunan bakat di institusi kebajikan perlu dihidupkan semula - Nancy

Bernama

Mac 30, 2024 17:00 MYT



Nancy (dua, kanan) menyampaikan sumbangan baju raya kepada Mohd Azani Abdullah (tiga, kanan) pada majlis Tautan Kasih Ramadan di Rumah Kanak-kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching hari ini. - Foto Bernama

KUCHING: Program Pembangunan Bakat terutama melibatkan kanak-kanak di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu dihidupkan semula, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata menerusi program itu institusi kebajikan dapat mengenal pasti kebolehan serta bakat terpendam kanak-kanak, selain mampu membantu mereka membina keyakinan diri.

"Kita perlu teroka bakat mereka, jika ada bakat dan kepandaiannya tersendiri, maka insya-Allah mereka boleh berdikari dan mempunyai kerjaya berdasar minatnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Tautan Kasih Ramadan di Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah di sini, hari ini.

Berucap pada majlis itu, Nancy berkata kementeriannya amat prihatin dengan keperluan kumpulan sasaran khususnya kanak-kanak dan warga emas.

"Pelbagai program perlu diadakan dan digerakkan bagi membolehkan penghuni-penghuni ini berinteraksi dan seterusnya menikmati hak-hak mereka sebagai insan yang perlu mendapat perlindungan dan kasih sayang selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Dasar Warga Emas Negara.

"Usaha sama pelbagai pihak baik orang perseorangan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan, sektor korporat amat penting dalam kita menjayakan aspirasi negara terutamanya dari segi sosial dan kebajikan," katanya.

Beliau berkata meluangkan sedikit masa dan menyumbang tenaga serta kemahiran, selain memberi sokongan secara mental atau spiritual mampu membahagiakan anak-anak serta penghuni di institusi tersebut.

Pada majlis itu Nancy turut menyampaikan 136 sumbangan Hari Raya, bubur lambuk dan bubur pedas kepada penghuni di rumah kanak-kanak dan penghuni Rumah Seri Kenangan Kuching.

Peruntukan bina Pusat Pentadbiran Bersepadu Dalat akan diguna untuk bina baharu masjid, surau usang

© 2024-03-30T18:20:19+08:00



Fatimah (dua kiri) menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih Hari Raya kepada salah seorang penerima di Dalat, hari ini.

DALAT: Peruntukan untuk membina Pusat Pentadbiran Bersepadu Dalat akan digunakan untuk membina baharu masjid dan surau usang di kawasan Dalat, kata Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti itu berkata, pada asalnya pembinaan pusat bersepadu berkenaan menggunakan peruntukan daripada Agensi Pembangunan Delta Rajang (RADDA).

Bagaimanapun katanya, pembinaannya akan menggunakan peruntukan daripada kerajaan Sarawak.

"Dengan itu, kita akan keluarkannya (Pusat Pentadbiran Bersepadu Dalat) daripada RADDA dan kini kita mempunyai peruntukan (daripada RADDA) untuk kita membuat projek-projek lain.

"Jadi, saya telah buat keputusan daripada peruntukan tersebut, kita akan gunakan untuk membina baharu masjid dan surau yang usang di kawasan kita," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sejambak Kasih Hari Raya 2024 di Dewan Kompleks Kebajikan Dalat di sini, hari ini.

Mengulas lanjut mengenai pembinaan baharu masjid dan surau usang, beliau berkata, modus operandinya adalah menggunakan pelan yang telah diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu, menerusi kaedah ini ia tidak perlu melalui proses-proses yang begitu lama.

"Kita belajar menerusi pengalaman kita membina masjid daerah yang melalui pelbagai proses termasuk beberapa kali pertukaran reka bentuk.

"Jadi, pengalaman itu mengajar kita bahawa untuk membina masjid dan surau di kawasan kampung, kita akan menggunakan pelan yang telah diluluskan oleh JKR," katanya.

Mengenai program Sejambak Kasih Hari Raya berkenaan, Fatimah berkata, jumlah penerima sumbangan Hari Raya di Sarawak adalah 16,624 orang daripada 54,321 orang penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS).

Beliau berkata, para penerima akan menerima sumbangan wang tunai RM100 dan hamper bernilai RM80.

"Bagi kawasan Dalat, terdapat seramai 602 penerima bantuan beragama Islam dan seramai 204 orang dijemput untuk hadir menerima sumbangan hari ini," katanya.

Beliau turut mendedahkan dari Januari hingga Mac 2024, JKMS telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM64,495,350 untuk 54,321 penerima bantuan bulanan di seluruh Sarawak.



TAJUK :	GROUPS IN MIRI COME TOGETHER TO CHANNEL AID TO DISABLED FOLKS		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	31 MAC 2024	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Groups in Miri come together to channel aid to disabled folks

MIRI: A charity programme, jointly run by the Lions Club of Batu Niah, Miri FM, Shun Shen Lee Trading (Miri) Sdn Bhd, Kelab Social Miri FM and Bintang Megamall, has benefitted the members of the Miri Association for Physically Challenged Individuals (Pokufm).

Lions Club of Batu Niah president Andy Jong Wan Joon said the association received 30 packs of rice, 30 packs of instant noodles, 30 packs of sugar, 40 cans of biscuits, 50 sets of face masks, hand sanitizers and wet tissues.

“We would like to thank Deputy Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts I Datuk Sebastian Ting for the face masks, hand sanitizers and wet tissues sponsorship, as well as other sponsors for their support towards our charity programme,” said Jong in a statement.

Pokufm secretary Abdul Aziz Brahim, meanwhile, thanked the associations and the private sectors for this much needed assistance, especially during the holy month of Ramadan.

“Apart from food, the



(From left) Shun Shen Lee Trading (Miri) Sdn Bhd branch manager Jimmy Yii, Abdul Aziz, Jong, Bintang Megamall event manager Allen Wong and others pose for a photo call, taken prior to the aid distribution.

members are also in need of walking aids for mobility, wheelchairs, cleaning and gardening equipment, exercise and therapy equipment, household supplies, or any used

items that can still be utilised,” said Abdul Aziz.

The main objectives of Pokufm, he said, was to provide physical and emotional support to people with disabilities,


to forge ties with other non-governmental organisations (NGOs), as well as to raise public awareness on the rights and needs of the physically challenged individuals.

www.physical.org

MATLAMAT

1. Menyediakan dan mengumpul alat yang boleh digunakan oleh ahli-ahlinya dan masyarakat di...
2. Menggalang dana untuk membeli alat-alat yang diperlukan bagi meningkatkan taraf perubatan dan...
3. Menyelenggarakan program latihan kejuruteraan dan kejuruteraan...
4. Menjalankan program latihan kejuruteraan dengan pelbagai peringkat yang berkaitan, agar dapat meningkatkan taraf perubatan...
5. Memberi latihan dan latihan kepada ahli-ahlinya yang berkaitan dengan...
6. Membuat penyelidikan ilmiah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya...

DEKATIFIKASI BERUSAHA



TAJUK : LELAKI UGUT SEBAR VIDEO BOGEL KENALAN WANITA KENA REMAN 4 HARI

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 31 MAC 2024

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki ugut sebar video bogel kenalan wanita kena reman 4 hari

Batu Pahat: Lelaki yang disyaki mengugut beberapa wanita untuk menyebarkan video bogel jika gagal mendapatkan pinjaman hingga menyebabkan mangsa kerugian RM100,000, direman di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Mustaqim Sukarno membenarkan perintah reman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, suspek berusia 27 tahun yang tidak mempunyai pekerjaan tetap ditahan di Bagan Serai Perak, jam 12.15 tengah hari kelmarin, susulan laporan polis dibuat seorang mangsa di negeri ini yang kerugian RM10,000.

Mangsa mendakwa dia diugut suspek supaya menjelaskan bayaran seperti diminta sekiranya tidak mahu video bogelnya disebar di media sosial.

Suspek dikatakan melayari laman sembang dengan menggunakan gambar lamanya yang lebih menarik bagi memperdayakan mangsa.

Sebelum itu, suspek turut di kesan mendaftar nombor telefon bimbit menggunakan nama bekas teman wanitanya bagi mengelak perbuatannya dihidu.

Lelaki itu akan mula bersembang dengan mangsa sebelum perbualan itu diheret ke panggilan video.

Suspek kemudian merakam video terbabit tanpa pengetahuan mangsa dan pada masa sama, lelaki itu mula memasang perangkap dengan meminjam wang daripada semua mangsa.



Lelaki ugut sebar video bogel kenalan wanita direman

Oleh Alias Abd Rani - Mac 30, 2024 @ 1:11 pm
bhnews@bherian.com.my



BATU PAHAT: Lelaki yang disyaki mengugut beberapa wanita untuk menyebarkan video bogel jika gagal mendapatkan pinjaman hingga menyebabkan mangsa kerugian RM100,000, direman di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Majistret Mustaqim Sukarno membenarkan perintah reman empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan.

Difahamkan, suspek berusia 27 tahun yang tidak mempunyai pekerjaan tetap ditahan di Bagan Serai Perak, jam 12.15 tengah hari semalam, susulan laporan polis dibuat seorang mangsa di negeri ini yang kerugian RM10,000.

Mangsa mendakwa dia diugut suspek supaya menjelaskan bayaran seperti diminta sekiranya tidak mahu video bogelnya disebar di media sosial.

Suspek dikatakan melayari laman sembang dengan menggunakan gambar lamanya yang lebih menarik bagi memperdayakan mangsa.

Sebelum itu, suspek turut dikesan mendaftar nombor telefon bimbit menggunakan nama bekas teman wanitanya bagi mengelak perbuatannya dihidu.


Lelaki itu akan mula bersembang dengan mangsa sebelum perbualan itu diheret ke panggilan video.

Suspek kemudian merakam video terbabit tanpa pengetahuan mangsa dan pada masa sama, lelaki itu mula memasang perangkap dengan meminjam wang daripada semua mangsa.

Sekiranya mangsa gagal memenuhi permintaannya, suspek akan mengugut mahu menyebarkan video bogel di media sosial.



Suspek dibawa keluar selepas direman empat hari kerana ugut sebar video bogel. - Foto NSTP/Alias Abd Rani



TAJUK : MARA GANTUNG TUGAS GURU DIDAKWA LAKUKAN PEDOFILIA

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 31 MAC 2024

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MARA gantung tugas guru didakwa lakukan pedofilia

Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat (MARA) sudah mengarahkan siasatan segera dan menyeluruh dijalankan terhadap dakwaan seorang guru didakwa melakukan pedofilia di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tumpat, Kelantan.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata satu pasukan dari ibu pejabat MARA sudah ditubuhkan bagi meneruskan siasatan, termasuk akan mengunjungi MRSM Tumpat dalam tempoh terdekat.

“Saya sudah mengarahkan siasatan menyeluruh berhubung perkara itu, perlu dijalankan segera.

“Sementara itu, guru berkenaan sudah digantung tugas sehingga siasatan selesai,” kata-

nya dalam catatan di X kelmarin.

Beliau mengulas ciapan seorang pengguna X yang menyiarkan kenyataan antara lain mendakwa menerima laporan daripada pelajar di MRSM berkenaan yang diganggu gurunya.

Dalam tangkap layar itu juga, individu berkenaan turut mempersoalkan mengapa guru berkenaan masih terus dibenarkan mengajar di sana.

Individu itu juga mengajak pelajar dan mangsa lain yang pernah menerima gangguan sama supaya tampil mendedahkan tingkah laku guru itu.

Ciapan itu di kongsi ramai pengguna X lain, selain mereka juga mengecam serta menuntut tindakan tegas diambil ke atas guru terbabit.

“Satu pasukan dari ibu pejabat MARA sudah ditubuhkan bagi meneruskan siasatan, termasuk akan mengunjungi MRSM Tumpat dalam tempoh terdekat”

*Asyraf Wajdi Dusuki,
Pengerusi MRSM*





MARA gantung tugas guru didakwa lakukan pedofilia ke atas pelajar

Oleh Mohd Nasaruddin Perzi - Mac 30, 2024 @ 1:18pm
bhnews@bh.com.my



Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (MARA) sudah mengarahkan siasatan segera dan menyeluruh dijalankan terhadap dakwaan seorang guru didakwa melakukan pedofilia di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tumpat, Kelantan.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata satu pasukan dari ibu pejabat MARA sudah ditubuhkan bagi meneruskan siasatan, termasuk akan mengunjungi MRSM Tumpat dalam tempoh terdekat.

"Saya sudah mengarahkan siasatan menyeluruh berhubung perkara itu, perlu dijalankan segera.

"Sementara itu, guru berkenaan sudah digantung tugas sehingga siasatan selesai," katanya dalam catatan di X malam tadi.

Beliau mengulas ciapan seorang pengguna X yang menyiarkan kenyataan antara lain mendakwa menerima laporan daripada pelajar di MRSM berkenaan yang diganggu gurunya.

Dalam tangkap layar itu juga, individu berkenaan turut mempersoalkan mengapa guru berkenaan masih terus dibenarkan mengajar di sana.

Individu itu juga mengajak pelajar dan mangsa lain yang pernah menerima gangguan sama supaya tampil mendedahkan tingkah laku guru itu.

Ciapan itu di kongsi ramai pengguna X lain, selain mereka juga mengecam serta menuntut tindakan tegas diambil ke atas guru terbabit.